KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	22.08.22	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	PERHILITAN			

HM230822



ANGGOTA Perhilitan membantu membuka jerat dawai di kaki beruang matahari.

Beruang matahari cedera kena jerat

Hulu Selangor: Kegiatan pemburuan haram masih berleluasa apabila seekor beruang matahari cedera terkena jerat dawai di kawasan Ladang Escort Ulu Bernam di sini.

Beruang matahari itu atau nama saintifiknya *Herlactos malayanus* bagaimanapun diselamatkan anggota Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), kira-kira jam 10 pagi, Jumaat lalu.

Pengarah Perhilitan Selangor, Dennis Ten Choon Yung, berkata, pihaknya bergegas ke lokasi kejadian selepas menerima aduan orang awam.

"Hasil pemeriksaan mendapati kaki kiri beruang jantan seberat 46 kilogram (kg) itu terjerut pada jerat dawai berkenaan.

"Operasi menyelamat kemudian dijalankan kakitangan Perhilitan negeri dan Pusat Menyelamat Kebangsaan Sungkai, Perak," katanya semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan lanjut juga mendapati haiwan itu tidak dapat bergerak akibat satu daripada kakinya yang terkena jerat dawai cedera.

"Operasi kemudian segera dilakukan dengan membuka dawai itu menggunakan peralatan khas.

"Pada masa sama, pemeriksaan Jabatan Veterinar mendapati beruang itu tidak mengalami kecederaan serius dan berada dalam keadaan baik," katanya.

Menurutnya, haiwan itu kemudian dilepaskan semula ke habitat hutan asal.